Hari : Ahad Tarikh : 13 Jun 2021

Nama : _____

Mata Pelajaran : Bahasa Melayu

Kelas : PK 4

Kemahiran : Membaca

Arahan : Baca petikan. Kemudian, tulis makna kosa kata yang berhuruf tebal.

Pada hari Ahad yang lalu, penduduk Taman Bayu mengadakan program memasak makanan tradisional. Program tersebut diadakan bertujuan untuk **mengeratkan** hubungan dalam kalangan penduduk di taman itu.

Sejak awal pagi, semua penduduk Taman Bayu **berkumpul** di dewan. Mereka membawa **peralatan** dan bahan-bahan untuk memasak. Suasana di dewan itu sangat **meriah** apabila penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dapat dikumpulkan.

Mereka bergotong-royong untuk menyediakan pelbagai jenis makanan. Mereka memasak nasi ambeng, sate, laksa Sarawak, tose, roti canai, dan kuih bakul. Selepas semua makanan siap disediakan, mereka **menikmati** makanan tersebut bersama-sama.

Program ini diadakan setiap tahun agar hubungan pelbagai kaum di taman itu dapat dieratkan dan semangat **kerjasama** dalam jiwa mereka dapat diterapkan.

riang gembira	merapatkan	saling membantu
merasai	berhimpun	berbagai-bagai alat

Perkataan	mengeratkan	berkumpul	peralatan
Makna	•	•	•

Perkataan	meriah	menikmati	kerjasama
Makna	•	•	•

LIVEWORKSHEETS